

## Pendidikan Hadis Banteras Infodemik COVID-19 Dalam Media Sosial

Khalilullah Amin Bin Ahmad  
Fakulti Al-Quran Dan Sunnah  
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)  
[amin@kuips.edu.my](mailto:amin@kuips.edu.my)

Muhammad Lukman Bin Mat Sin  
Fakulti Al-Quran Dan Sunnah  
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)  
[drlukmanms@kuips.edu.my](mailto:drlukmanms@kuips.edu.my)

### Abstrak

*Infodemik ialah lambakan maklumat yang kebanyakannya palsu atau tidak sahih sehingga menyebabkan solusi bagi sesuatu masalah menjadi lebih sukar untuk diselesaikan. COVID-19 atau Novel Coronavirus (2019-nCoV) telah merebak ke pelusuk dunia dengan pantas dan telah diisyiharkan sebagai suatu pandamik iaitu penyakit globalisasi. Pendidikan hadis perlu diterapkan untuk membanteras penyebaran hadis palsu yang mengundang pelbagai fitnah besar, bukan saja mengancam kesucian Islam dan kesejahteraan umat, malah pelbagai aspek kehidupan lain meliputi akidah, syariah, muamalat, pentadbiran dan politik. Meskipun begitu, penularan berita palsu juga akan memberi impak yang negatif dalam kesejahteraan masyarakat dan keharmonian negara. Kertas kerja ini memerihalkan tentang bagaimana pendidikan hadis mampu membanteras penularan infodemik dalam media sosial ketika mendepani wabak penyakit COVID-19 berpaksikan kepada dalil-dalil al-Quran dan al-Hadith. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan menganalisis kandungan teks dalam bentuk pendekatan naratif. Dapatkan kajian menunjukkan pendidikan hadis sangat sesuai pada ketika ini untuk dijadikan solusi yang terbaik bagi memberi kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berhati-hati dalam menyebarkan berita palsu yang mengundang kerisauan kepada umum sekaligus membantu pihak berautoriti untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan telus dan berintergriti.*

**Kata Kunci:** Infodemik COVID-19, Pendidikan Hadis, Media Sosial

### Pengenalan

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui unit dibawahnya Pasukan Respons Pantas (PRP) telah mengeluarkan rekod terkini lebih 370 penafian dan penjelasan berkenaan berita palsu yang menular telah diperjelaskan kepada orang ramai berkaitan wabak pandamik Covid-19 di negara ini (Berita Harian, 2020). Menurut Roslan Umar et al. (2018), konsep semak kesahihan berita sebelum sebar merupakan aspek utama yang wajib didekah dalam diri setiap individu, masyarakat dan negara. Segala informasi mudah diterima tanpa sebarang halangan dengan cepat dan pantas dengan kemudahan teknologi yang serba canggih. Namun, penularan infodemik tanpa kawalan oleh segelintir netizen mendatangkan impak negatif sehingga mengakibatkan lambakan informasi palsu dalam media sosial. Infodemik ialah lambakan maklumat yang kebanyakannya palsu atau tidak sahih sehingga menyebabkan solusi

bagi sesuatu masalah menjadi lebih sukar untuk diselesaikan (Kamus Dewan Edisi 4). Hanya masa satu saat sahaja carian maklumat di internet boleh diakses dengan pantas. Gejala ini bertambah rumit untuk dibanteras apabila wujudnya budaya *copy and paste* dalam media sosial. Kerumitan ini semakin merisaukan apabila berlaku perubahan drastik terhadap aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya.

### **Penyataan Masalah**

Penggunaan aplikasi dan perisian dalam media sosial terlalu meluas digunakan, malah tiada sebarang sekatan. Potensi media sosial yang serba boleh disebabkan oleh sambutan hangat daripada pelbagai lapisan masyarakat tidak kira latar belakang umur dan kedudukan. Oleh itu, informasi yang tersebar boleh dilakukan menerusi klik di hujung jari sahaja. Media sosial mempunyai pelbagai kemudahan untuk dikongsikan, iaitu ilmu, pengalaman, pandangan, komentar, berita terkini dan sensasi, transaksi umum sehingga menyebabkan komuniti menjadi sangat obses dalam penggunaan media sosial ini. Hal demikian memberi impak yang boleh mengundang kebimbangan yang serius kepada segelintir komuniti. Situasi sebegini akan membawa elemen negatif dan pengaruh tidak sihat dalam kondisi masyarakat terutamanya golongan remaja masa kini.

Oleh itu, antara isu infodemik yang tersebar dalam media sosial ialah kebebasan dalam menyampaikan informasi ilmiah, penerimaan informasi berpandukan persepsi individu dan pendedahan informasi yang berlebihan akan mengundang perkara yang lalai (*lagha*) (Noor Athirah Moktar et al., 2019).

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti pendidikan hadis terhadap infodemik Covid-19.
2. Mengkaji impak negatif terhadap infodemik Covid-19 dalam media sosial.
3. Membincangkan solusi bagi membendung penularan infodemik Covid-19 dalam media sosial.

### **Pendidikan Hadis**

Pendidikan hadith dalam konteks kajian ini ialah pendidikan teladan yang diadaptasi daripada sarjana ilmuan dalam bidang hadith dalam mendepani sebarang informasi tentang sesuatu berita yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW atau apa sahaja informasi tertentu mestilah diselidik terlebih dahulu dari sudut sumber yang berautoriti dan keabsahan maklumat sebelum disebarluaskan atau diriwayatkan kepada orang lain. Faedah daripada pembelajaran hadith akan menyebabkan seseorang itu lebih berhati-hati dalam menyebarkan sesuatu yang tidak sahih. Hal ini dibuktikan melalui elemen pendidikan yang boleh didapati dalam takrif sebuah hadis sahih, iaitu hadis yang tiada keraguan dari segi *sanad* dan perawinya. Ia menjadi sumber dalil dalam hukum syarak. Hadis yang bersambung *sanad*, disampaikan oleh seseorang yang berintegriti dan

dipercayai ('adil), memiliki kekuatan hafazan dan tulisan (*dhabit*) daripada individu yang sama sehingga ke akhir *sanad*, tanpa wujudnya keganjilan (*shaz*) dan sebarang kecacatan ('illah).

Dalam konteks autoriti sesebuah hadith, Selamat Amir dan Ernawati Amusin (2010) menjelaskan kewujudan kitab-kitab jawi, buku-buku teks dan penggunaan hadis yang tidak berautoriti untuk dijadikan sumber sandaran dalam isu ibadah telah menyebabkan penyebaran hadith yang tidak sahih dan penerapan kisah-kisah yang berunsur kesesatan dan khurafat (Mohd Amru Isa & Najah Nadiah Amran, 2017). Hal demikian memberi kesan negatif, iaitu wujudnya kerumitan untuk menjaga kesucian hadith Rasulullah SAW dalam kehidupan masyarakat.

Dalam konteks periyawatan sesuatu hadis, sikap yang yang perlu wujud dalam diri seseorang perawi itu ialah bersifat *dhabit*, iaitu memiliki daya ingatan dan hafazan yang kuat dan terselamat daripada sebarang kesalahan atau keraguan. Mereka juga mestilah amanah dalam menjaga setiap perkataan yang disampaikan dan berkemampuan menjaga segala rekod catatan daripada berlakunya kehilangan dan penyelewengan. Mereka juga perlu waspada dengan periyawatan hadis yang tidak tepat dan perkataan palsu. Rasulullah SAW memberi nasihat dan peringatan agar sentiasa berhati-hati dalam menularkan sesuatu informasi berita sepertimana dalam hadis yang bermaksud:

إِنَّ الْعَبْدَ لِيَتَكَلَّمُ بِالْكَلْمَةِ لَا يُرَىُ بِهَا بِأَسَأَ يَهْوِيُ بِهَا فِي النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا

“Sesungguhnya seseorang hamba terkadang berbicara dengan kata-kata yang dia sangkakan tidak mengapa, lalu (tanpa diduga) dia terjerumus dengan sebabnya ke dalam neraka (yang ke dalamannya) sejauh perjalanan tujuh puluh tahun.” (HR. al-Tirmidzi dan dihasankan oleh beliau)

Menurut Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi (2011), apabila terdapat seseorang individu menisbahkan sesuatu perkara yang salah kepada Rasulullah SAW adalah perbuatan yang dilarang sama sekali. Bahkan, ancaman di akhirat bagi individu yang berbohong atas nama Nabi Muhammad SAW adalah dihumban ke neraka jahannam. Nabi Muhammad SAW sendiri telah menjelaskan perkara ini dalam hadisnya yang bermaksud:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ فَلَيَتَبُوأْ مَقْعِدُهُ مِنَ النَّارِ

“Sesiapa yang berbohong dan menisbahkannya atas nama aku, maka siaplah tempatnya dalam neraka.” (HR. al-Bukhari, no. hadis 107)

Nabi SAW juga memberi gambaran jelas berkaitan sikap individu yang suka berdusta sebagaimana dalam sabdanya yang bermaksud:

مَنْ حَدَثَ عَنِي بِحَدِيثٍ يُرَىُ أَنَّهُ كَذَبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ

*“Sesiapa yang menyampaikan daripada aku sesuatu hadith yang pada sangkaan orang tersebut adalah hadis palsu, maka dia termasuk dalam kalangan mereka yang berdusta.”* (Lihat: Muqaddimah Sahih Muslim)

Berdasarkan hadis-hadis di atas, jelaslah kepada kita bahawa hukuman berat kepada pendusta-pendusta hadith Nabi SAW. Hal demikian menjelaskan hukum berdusta atas nama Nabi SAW adalah haram dalam agama Islam. Sikap pendusta telah dijelaskan dalam hadis Abu Hurairah RA dengan sabdanya:

*“Telah cukup seseorang itu dikatakan berdusta apabila dia menceritakan (menyebarluaskan tanpa usul periksa) kesemua apa yang dia telah dengar (tanpa selidik).”* (HR. Muslim no. hadis 4482).

Ramai ulama hadis, iaitu Imam Ibn al-Jauzi (597H), Imam al-Hasan al-Jauzaqani (543H), Imam al-Maqdisi (507H) dan sebagainya mendidik kita agar semak terlebih dahulu setiap informasi dan berita apa jua yang sampai kepada kita dengan kaedah betul, iaitu kaedah meneliti, mengkaji dan memeriksa terlebih dahulu tentang kesahihannya sebelum kita menerima dan menyebarluaskannya terutama berkenaan dengan hadis Rasulullah SAW. Peranan seorang individu muslim yang cinta kepada Nabi Muhammad SAW sewajibnya menjaga nama dan jasad Nabi Muhammad SAW daripada dicemari dengan pemalsuan oleh sekumpulan manusia yang tidak bertanggungjawab. Bukti cinta ini jelas dalam sebuah hadis yang bermaksud:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

*“Tidak sempurna tahap keimanan seseorang kamu sehingga dia sayang kepada aku lebih daripada dia sayang kepada ibubapanya, anaknya dan ramai manusia.”* (HR. al-Bukhari, no. hadis 15)

Di samping itu juga, menjadi kewajipan kita semua sebelum membaca, menulis, mengajar, menyampai atau menyebarluaskan sebuah hadith Nabi SAW perlulah dikenalpasti terlebih dahulu berkaitan sumber dan status kesahihan hadis tersebut kerana bimbang akan terjerumus ke dalam balasan buruk di akhirat. Dengan cara ini, ia akan menjaga kesucian agama Islam dan penyelewengan kumpulan-kumpulan yang ingin menjelaskan aspek imej agama Islam.

Hal demikian bukan sahaja berita palsu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sahaja, malah sekiranya berita tersebut disandarkan kepada agensi atau badan berautoriti dalam sebuah negara seperti di Malaysia, iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menyebabkan berlaku pelbagai impak negatif dalam penyalahgunaan informasi terpenting terutama berkaitan berita panas berhubung penyebaran wabak pandemik Covid-19. Penularan berita palsu sedemikian secara tidak langsung menyebabkan kebimbangan dan keresahan dalam kalangan masyarakat. Oleh demikian, setiap muslim seharusnya tidak terpedaya dengan sebarang infodemic dan khabar angin palsu. Hal ini kerana terdapat sebahagian netizen mengambil kesempatan pada saat kerumitan pandemik Covid-19 ini telah melakukan penyebaran berita yang tidak tepat (Abdul Razak al-Badr, 2020).

## **Impak Infodemik Dalam Media Sosial**

Infodemik ialah lambakan informasi yang kebanyakannya palsu atau tidak benar yang akan memberi kesan negatif sehingga mengakibatkan kesukaran untuk menyelesaikan sesuatu isu permasalahan (Kamus Dewan Edisi 4). Istilah infodemik bukanlah merupakan perkataan baru yang digunakan ketika berlakunya penyebaran wabak pandamik Covid-19. Malah, perkataan infodemik telah diperkenalkan oleh David Rothkopf ketika penularan wabak SARS yang berlaku pada tahun 2003 (I Komang Agus Widiantara, 2020). Susulan itu, penggunaan perkataan infodemik juga digunakan ketika berlakunya wabak penyakit berjangkit seperti ebola, H1N1 dan zika. Namun demikian, infodemik pandamik Covid-19 lebih banyak tersebar di media sosial berbanding infodemik bagi penyakit-penyakit berjangkit yang lain. Mochtar (2020) mencatatkan lebih dari 3 juta postingan dan 100 juta komen telah menggunakan hashtag Covid-19 dalam ruang carian internet melalui perisian *google*.

Dalam pada itu, ciri-ciri infodemik yang sering kali ditularkan oleh individu yang tidak bertanggungjawab dapat dikenalpasti apabila menggunakan nama organisasi atau individu yang berautoriti, mesej informasi yang berangkai, penyebaran isu semasa yang berulang kali, pengakhiran mesej dengan ajakan kepada kebaikan, mesej informasi disertakan dengan pautan laman web dan tersebar melalui media sosial (Roslan Umar et al., 2018).

Media sosial masa kini telah menjadi daya tumpuan kepada seluruh manusia sejagat dalam membantu berkongsi informasi penting dan bermanfaat kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, media sosial mampu memberi impak negatif kepada semua pengguna meskipun internet dan media massa semakin maju (Nurul Afiza Razali et al., 2019). Pelbagai transaksi, pendidikan, perkembangan politik, keagamaan dan sosial tidak dapat dikawal perkongsianya melalui kemajuan internet. Hal demikian telah menjadi *platform* untuk masyarakat tidak kira lapisan umur dan latar belakang pekerjaan untuk berkongsi informasi dengan pantas dan mudah.

Dalam konteks individu, penggunaan aplikasi telefon pintar memberi ruang remaja dapat melayari laman web di internet dengan begitu mudah tidak kira di mana-mana sahaja berada. Isu ini telah dijelaskan dalam satu kajian oleh “*Laporan Keluarga Norton online 2019*” mendapat sembilan daripada sepuluh rakyat Malaysia dalam kalangan remaja mudah terdedah kepada aktiviti negatif berpunca penggunaan media sosial yang tidak terkawal (Ayub et al., 2019). Mereka meluangkan banyak waktu dalam rumah berbanding di luar sehingga menyebabkan penyebaran fitnah dan maklumat palsu (Jasmi, Kamarul Azmi, 2006) terutamanya ketika pihak kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Mereka seolah-olah tiada akhlak dan keperibadian mulia dalam diri mereka (Abd Razak et al., 2016).

Dalam konteks masyarakat pula, Abd Rahman et al. (2017) berpandangan media sosial memberi impak negatif kepada masyarakat. Dalam tempoh isolasi di rumah, semua urusan boleh dilakukan di rumah secara atas talian. Bagi pihak ibu bapa yang bekerja, mereka akan meluangkan waktu untuk di rumah. Masa yang sepatutnya dihabiskan bersama keluarga diabaikan begitu sahaja. Impaknya dapat dilihat anak-anak, mereka akan berisiko tinggi untuk mencontohi tingkah laku ibu bapa.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2018), negara Malaysia adalah negara Islam yang menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan dalam penerapan nilai akhlak yang mulia. Kamarudin et al. (2019) menjelaskan penyebaran dakwah dan informasi bermanfaat dapat disampaikan melalui medium media sosial kepada semua lapisan masyarakat. Namun, media sosial telah disalah guna oleh sejumlah netizen sehingga menyebabkan rosaknya imej dan persepsi negara sebagai negara Islam. Dalam pada itu, penggunaan media sosial secara berleluasa boleh membuka ruang komen dan peluang untuk sesiapa sahaja memberi pandangan dan hujah terhadap apa jua isu pandemik Covid-19 tanpa batasan. Faktor kebebasan suara memberi kesan dalam mengaplikasi adab penyampaian informasi yang tidak sah terutamanya infodemic berkaitan Covid-19 yang digembar-gemburkan tanpa usul periksa.

Dalam konteks infodemic COVID-19, isu-isu penyebaran maklumat palsu berkaitan pandemik COVID-19 dalam media sosial wajib dibanteras secara besar-besaran bagi menjaga ketenteraman awam. Untuk menyekat penyebaran isu dan masalah tidak wajar perlu menggunakan pendekatan yang tepat. Isu perlulah diperjelaskan dan dikenal pasti dari sudut autoriti dan ketepatan sebelum disebarluaskan. Oleh itu, penggunaan media sosial haruslah dikawal dan sentiasa berfikir tentang kesan dan impak bagi setiap tindakan yang bakal dilakukan sebelum dikongsi di media sosial (Nurul Afiza Razali, Noor Hera & Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Menurut Murni Hayati Samed et al. (2019), pengguna media sosial yang bijak akan mengambil peluang baik dengan berkongsi informasi yang sah dan memberi manfaat agar mereka memperoleh pahala kebaikan di akhirat. Hal ini telah dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW dalam hadis daripada Abu Mas'ud 'Uqbah Al-Anshori, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

من دل على خير فله مثل أجر فاعله

*"Sesiapa yang dapat menunjukkan suatu kebaikan (kemudian diikuti dan dilakukan kebaikan tersebut oleh seseorang yang lain) maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya." (HR Muslim, no. hadis 1893).*

Oleh demikian, pihak kerajaan juga perlulah berkerjasama dalam menghasilkan undang-undang dan mengawasi individu yang menyebarkan maklumat palsu dan mencuri maklumat atau pun informasi daripada individu lain. Kerajaan juga haruslah mencipta satu sistem yang boleh menyekat individu yang cuba berkongsi infodemic COVID-19 dalam media sosial. Tindakan ini mampu mencegah sesuatu kemungkaran daripada berlaku di negara ini.

## Kesimpulan

Pada saat penularan wabak pandemik Covid-19 sedang berlaku, pendidikan hadis sangat sesuai pada ketika ini untuk dijadikan solusi yang terbaik bagi memberi kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berhati-hati dalam menyebarkan berita palsu yang boleh mengundang kerisauan kepada umum sekaligus membantu pihak berautoriti untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan telus dan berintergriti. Dalam situasi rakyat Malaysia menetap di rumah kerana pandemik Covid-19, sewajarnya mereka juga berusaha untuk melatih diri daripada menyebarkan dan berkongsi infodemic ini (Tuan Sidek Tuan Muda, 2020). Khabar palsu akan menimbulkan keadaan

yang tidak tenteram, kebimbangan, tekanan perasaan, permusuhan bahkan juga dalam konteks yang lebih luas boleh membawa kepada penganiayaan dan pembunuhan.

## Bibliografi

- Abd al-Razzāq ‘Abd al-Muhsin al-Badr. (2020). *Waqafat ma‘a firūs kūrūnā*. Pent: Mohammad Syafiq Ismail. Virus Korona: Muhasabah Dan Sikap Muslim. Kuala Lumpur: ABIM Press.
- Abd Rahman, Siti Nur Husna, Mohd Kashim, Mohd Izhar Ariff, & Pitchan, Muhammad Adnan. (2017). Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: Perbincangan dari perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-16.
- Abd Razak, Siti Rashidah, Hamzah, Haslina, & Rashed, Zetty Nurzuliana. (2016). Cabaran guru pendidikan islam dalam pembentukan akhlak pelajar. *Journal of Social ad Humanities, Special Issue*(3), 101-108.
- Ayub, Muhammad Syazwan, Rozali, Amirul Azha, & Marni, Nurazmallail. (2019, 15 Disember 2019). *Media sosial dan kecanduan penggunaan menurut Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- I Komang Agus Widiantara. (2020). Infodemik Covid-19: Momentum membangun kepercayaan publik terhadap media mainstream. *DANAPATI: Jurnal Komunikasi* 1(1): 67-81.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). Remaja dan kehidupan berbatasan dalam beragama. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Pnyt.), *Remaja hebat siri 4: Batasan dan halangan kecemerlangan* (Vol. 4, pp. 15-34). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Kamarudin, Muhamad Aiman, Mustafa Kamal, Muhamad Syakir, & Safar, Jimain (2019, 15 Disember 2019). Media sosial dan dakwah menurut Islam. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Kamus Dewan* (edisi keempat). (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam. (2018). Ganjaran menunjukkan kepada amalan kebaikan. Retrieved from <http://www.islam.gov.my/e-hadith/1286-ganjaranmenunjukkan-amalan-kebaikan>.
- Mohd Amru Isa & Najah Nadiah Amran. (2017). Pengajian hadith di masjid Malaysia. *Jurnal Fikiran Masyarakat* 5(1), 14-20.
- Moktar, Noor Athirah; Abdul Halim, Areen Sherryna; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). *Media sosial dan impak kepada perkembangan bahasa menurut Islam*. Dlm. Jasmi, Kamarul Azmi (pnyt.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 211-226.
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi. (2011). *Uulum al-Hadith Asiluha wa Ma’asiruha*. Malaysia: Dar al-Shakir.
- Razali, Nurul Afiza; Hera, Noor; Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Media sosial dan impak negatif menurut Islam*. Dlm. Jasmi, Kamarul Azmi (Pnyt.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 33-

48.

- Roslan Umar, Syed Mohd Hafiz Syed Omar, Nor Hazmin Sabri & Nur Athirah Ahmad Fashil @ Ahmad Fazil. (2018). Pendekatan konsep tabayyun dalam isu falak kontemporari. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 036-043.
- Samed, Murni Hayati , Salman, Maziah Mohd , & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Konsep amar makruf dan nahi mungkar dalam kerukunan keluarga*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Selamat Amir & Ernawati Amusin. (2011). Pengajian hadith di Sabah: Suatu sorotan. Dlm. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Shah Ahmad (pnyt.). *Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran*, hlm. 99-112. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith Universiti Malaya.
- Shalih bin Abdullah bin Humaid . (t.th.). *Tafsir al-Mukhtashar*. Riyadh: Markaz Tafsir Li al-Dirasat al-Qur'aniyyah.
- Tasri. (2020). *Hikmah di tengah wabah virus corona dalam tinjauan hukum Islam*. Qiyas Vol. Vol. 5, No. 1. Dosen Tafsir Ahkam Fakultas Syari'ah IAIN Bengkulu.
- Tuan Sidek Tuan Muda. (2020, April). *Budayakan sikap menyelidiki kesahihan berita dalam diri dan keluarga*. Berita Harian, 1 April 2020.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2020). *Soal jawab fiqh COVID-19*. Putrajaya: Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).